

# Air Sungai Nipah hitam

Pencemaran berpunca daripada sisa kumbahan, pembuangan sampah dan efluen industri sejak lebih 10 tahun lalu



Oleh Syed Ismail Syed Abu Bakar

**G**ORGETOWN: Sebut saja Sungai Nipah di Batu Maung, dekat sini, apa yang pasti bermain di depan mata ialah airnya yang kehitaman, bagaikan minyak hitam.

Terbayang-bayang di ruang mata, air mengalir lemah ditambah dengan sampah sarap terapung.

Tanyalah siapa pun mengenai Sungai Nipah, jawapan yang diterima pasti sama iaitu kotor, busuk, jijik. Baunya yang hanyir bagaikan sudah sebatu dalam minda masyarakat.

Melihatkan betapa teruknya Sungai Nipah menyebabkan penduduk meluahkan kesedihan kerana saban hari terpaksa berdepan dengan sungai yang tercemar.

Air sungai itu bukan saja berselut, malah berlumpur dan berkelodak di sepanjang kira-kira dua kilometer.

Umum mengetahui, pencemaran di lembangan Sungai Nipah berpunca daripada pelepasan sisa kumbahan domestik, pembuangan sampah dan efluen (kumbahan industri) tanpa atau separa terolah sejak lebih 10 tahun lalu.

Malah, pelepasan kumbahan dan efluen terkumpul itu dikenal pasti menjadi punca kematian ikan dan hidupan sungai.

Antara kesan pencemaran ketara yang berlaku di sungai itu termasuk pelupusan sisa buangan domestik, industri dan bengkel.

Walaupun jumlah beban efluen industri adalah kecil, kesannya lebih berbahaya berbanding kumbahan domestik atau haiwan.

Kesan kumbahan umumnya akan mengurangkan oksigen sehingga menyebabkan kematian ikan dan sumber hidupan di sungai itu serta



**MASIH BEROPERASI:** Kawasan penternakan babi di Batu Maung menjadi antara punca pencemaran Sungai Nipah.

berbau busuk.

Masalah pencemaran di Sungai Nipah semakin meruncing dan usaha menanganinya perlu dilaksanakan segera oleh jabatan berkaitan kerana masalah pencemaran sudah berlarutan kira-kira lebih 10 tahun lalu kesan pembuangan sisa najis babi dan bahan kimia oleh kilang yang beroperasi di kawasan itu.

Justeru, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Maung, Mansor Musa mahu masalah itu ditangani segera.

"Pulau Pinang sudah dikenali bandar siber dan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang di

Batu Maung yang pada masa sama ini masih lagi dihimpit pencemaran teruk," katanya.

Majlis dialog bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah diadakan, tetapi tiada tindakan susulan.

Dialog itu bertujuan mencari jalan untuk menangani masalah pencemaran di Sungai Nipah yang berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu.

Sungai Nipah adalah antara sungai tercemar di Pulau Pinang yang memerlukan perhatian sewajarnya. Indeks Kualiti Air (WQI) sungai

itu dipercayai berada pada tahap kelas empat, jelas menunjukkan kategorinya sebagai antara sungai tercemar.

Mansor berkata, usaha menangani masalah itu termasuk meminta penternak membuat kolam kumbahan lebih tersusun termasuk menukar status tanah bagi membolehkan penternak menjalankan perniagaan lain.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Nipah, Omar Charkin, pula mahu kerajaan negeri perlu lebih serius untuk menangani masalah itu.

"Kesan pencemaran akan terus

menjadi masalah besar kepada pembangunan negeri ini kerana ia tidak dilakukan bersungguh-sungguh dan berterusan," katanya.

Seorang penduduk, Ahmad Said, 42, berkata penternakan babi di kawasan itu tidak lagi sesuai kerana ia sudah menjadi penempatan dan industri.

"Bayangkan, bukan saja penduduk terpaksa berdepan dengan masalah pencemaran ini, tetapi pelabur yang membina kilang mereka akan menghadapi masalah sama," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Marzuki Mokhtar, berkata